

17 SEP 2001

Mahkamah-Pecat

BEKAS JURUUKUR KANAN KUANTITI TERIMA PAMPASAN RM142,500

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Mahkamah Perusahaan hari ini mengarahkan G-Two Management Services Sdn Bhd membayar tunggakan gaji dan pampasan berjumlah RM142,500 kepada juruukur kanan kuantiti syarikat itu selepas memutuskan bahawa pemecatannya adalah tanpa sebab dan alasan yang munasabah.

Pengerusi mahkamah Abu Hashim Abu Bakar mengarahkan pembayaran itu kepada Chin Siew Ying dalam masa 60 hari, mulai 10 Sept melalui peguamcaranya Tetuant Ng Yook Woon, Andrew T.C. Saw dan Rakan-rakan.

Dalam penghakiman setebal enam muka, Abu Hashim berkata keterangan Chin secara bersumpah di mahkamah tidak dicabar memandangkan G-Two Management Services tidak hadir di mahkamah.

"Mahkamah dcenderung untuk mempercayai bahawa pengakuan yang dikemukakan oleh syarikat pada 3 Nov, 2000, merupakan permulaan bagi hasrat syarikat untuk memulakan prosiding pembubaran yang kesannya ialah untuk menafikan faedah pemberhentian kepada kakitangan yang layak dan/atau pihak yang menuntut (Chin)," kata beliau.

Abu Hashim berkata mahkamah meragui kandungan rayuan syarikat yang membuat beberapa dakwaan terhadap Chia sebagai sesuatu yang bukan sahah atau bahawa ia cuma menunggu masa bagi memperolehi perintah pembubaran bagi mengelakkan pembayaran faedah pemberhentian dan faedah lain kepada pekerja.

Chin telah mengemukakan aduan bahawa dia dipecat oleh syarikat, berkuatkuasa dari 10 Nov, 1997 yang mendakwa bahawa prestasinya tidak mencapai tahap seperti diharapkan.

Apabila perkara itu dibawa ke mahkamah pada 20 Jun, 2001, peguam dari Tetuan Gengga Maha dan Wong yang mewakili G-Two Management mengemukakan peritah yang menyatakan syarikat itu telah dibubar pada 13 Mac 2001 melalui satu petisyen.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan oleh peguam yang mewakili Chin untuk menangguhkan perkara itu bagi kehadiran Pegawai Pemegang Harta di mahkamah dan juga permohonan bagi meneruskan perbicaraan secara ex-parte atau tanpa kehadiran Pegawai Pemegang Harta.

Mahkamah membenarkan prosiding dijalankan secara ex-parte apabila G-Two Management dna Pegawai Pemegang Harta tidak hadir di mahkamah pada 2 Sept, 2000.

Chin memberitahu mahkamah beliau tidak bersetuju dengan rayuan syarikat menyatakan bahawa prestasinya telah menurun kerana kurang ciri-ciri motivasi dan memelihara hubungan baik dengan kakitangan yang lain.

Chin mendakwa bahawa beliau sentiasa menjalin hubungan mesra dengan kakitangan bawahan dan tidak menghadapi masalah dengan mereka semasa berkhidmat atau menghadapi masalah membuat penyelarasan dengan pengurusan.

Beliau juga menafikan yang beliau telah beberapa kali diberi kaunseling oleh Penolong Pengarah Operasi bagi meningkatkan prestasinya kerana kualiti kerjanya tidak memenuhi standard yang dikehendaki oleh pelanggan dan perunding syarikat, menyebabkan cadangan syarikat berdasarkan perakuannya ditolak, mengakibatkan syarikat kehilangan projek dan mengalami kerugian selanjutnya.

Chin juga memberitahu mahkamah ada garis panduan dan prosedur untuk memperolehi tender atau projek dan dakwaan mengenai kegagalan syarikat memperolehi projek berdasarkan perakuannya tidak timbul dan tidak benar.

-- BERNAMA

JA HK FAZ

